

PM ingatkan Petronas jangan berbelanja sewenang - wenang

(P)

UM 16 AUG 1985

KEMAMAN 15 Ogos - Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan Petronas supaya jangan membelanjakan wangnya dengan sewenang-wenang walaupun perbadanan itu merupakan syarikat terkaya di negara ini.

Nasihat ini dibuat bila beliau merasmikan Lapangan Terbang Kertih yang dibina oleh Petronas dengan harga \$75 juta.

Secara berseloroh Perdana Menteri berkata, pada mulanya beliau menyangkakan Lapangan Terbang Kertih cuma tidak lebih sebuah padang pendaratan, tetapi hari ini beliau mendapati kompleks itu lebih cantik dan moden daripada Lapangan Terbang Kuala Te-

derungan sedemikian sampai kepada tahap yang boleh membawa pembaziran modal dan tenaga kerana aspek permintaan dan perbekalan diabaikan.

Perdana Menteri berharap semua Menteri Besar dan Ketua Menteri menyetujui langkah Kerajaan Pusat sekarang menyelaraskan dan memastikan sama ada industri yang dirancangan oleh negeri-negeri munasabah dan pembangunannya tidak bertindih.

Beliau berkata soal permintaan dan perbekalan mestilah diambil kira supaya apa juga rancangan in-

dustri oleh mana-mana negeri tidak mengakibatkan pertindihan pembangunan dan industri itu hendaklah bukan dimaksudkan bagi kepentingan sesebuah negeri sahaja.

Menurut Perdana Menteri, masih ada negeri-negeri yang tidak mengambil kira soal permintaan dan perbekalan yang menyebabkan industri yang didirikan itu berkesudahan dengan pembaziran wang dan tenaga.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan bahawa sekiranya sudah ada negeri yang mewujudkan industri ba-

rangan gantian misalnya yang mampu memenuhi keperluan seluruh negara, maka negeri yang lain tidaklah perlu mewujudkan satu lagi industri jenis yang sama.

Perdana Menteri bagaimanapun menegaskan beliau tidaklah bermaksud bahawa minat dan kecenderungan di kalangan kerajaan-kerajaan negeri untuk memajukan negeri masing-masing seberapa yang terdaya itu adalah tidak baik asalkan pewujudan industri atau projek pasarana yang lain tidak didorong oleh niat untuk berbangga-bangga.

rengganu sendiri.

Malahan, tambahnya, lapangan terbang itu lebih istimewa daripada lapangan-lapangan terbang di tempat-tempat lain di negara ini.

Katanya, secara berjenaka, Negeri Terengganu mementingkan ketinggian mutu lapangan terbangnya kerana Lapangan Terbang Kertih yang dibina dengan belanja \$75 juta itu cuma untuk menampung pendaratan pesawat seakat jenis Fokker F27 sedang Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi yang mampu menerima pendaratan pesawat Air Bus cuma berharga \$70 juta.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri mengingatkan Petronas bahawa sungguhpun ia syarikat yang terkaya di negara ini, tetapi ia tidak boleh sewenang-wenang membelanjakan wangnya kerana dalam analisa terakhir, wang itu milik negara dan perlu dibelanjakan untuk manfaat rakyat.

Beliau mahukan Petronas menguruskan perbelanjaannya dengan bijak supaya ia juga mengelakkan pembaziran.

Perdana Menteri juga meminta kerajaan-kerajaan negeri mengikis kecenderungan untuk berlumba-lumba sesama sendiri mewujudkan industri dan pasarana sekadar bagi tujuan bermegah sahaja sedangkan industri yang sama telah pun wujud dan mampu memenuhi kehendak negara.

Beliau tidak mahu kecen-